

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum memutuskan untuk menyertai perlindungan Takaful bagi MikroSayang. Sila pastikan juga Anda telah membaca terma dan syarat umum.

Nama Pengendali Takaful : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
Nama Produk : MikroSayang
Tarikh : 1 Mei 2024

1. Apakah produk ini?

MikroSayang adalah pelan Takaful Bertempoh Berkelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan bagi Orang yang Dilindungi, dan tidak termasuk elemen simpanan atau pelaburan. Produk ini akan membuat pembayaran manfaat sekaligus apabila berlakunya peristiwa-peristiwa ini:

- **Manfaat Hospitalisasi:** apabila kemasukan ke hospital bagi Orang yang Dilindungi di Hospital Panel semasa tempoh perlindungan, dan/atau
- **Manfaat Penyakit Kritikal:** apabila Orang yang Dilindungi didiagnos mengalami salah satu daripada mana-mana Penyakit Kritikal yang tersenarai semasa tempoh perlindungan, dan
- **Manfaat Kematian akibat Kemalangan:** apabila kematian Orang yang Dilindungi yang disebabkan oleh Kemalangan semasa tempoh perlindungan, atau
- **Manfaat Kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK):** apabila berlaku kematian atau HUPK (tertakluk kepada Tempoh Kesenambungan HUPK) pada Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.

Terdapat 6 pelan yang boleh dipilih oleh Peserta:

- **Pelan A Hospitalisasi:** Manfaat Hospitalisasi dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- **Pelan B Penyakit Kritikal:** Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- **Pelan C Hospitalisasi & Penyakit Kritikal:** Manfaat Hospitalisasi, Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan
- **Pelan A+ Hospitalisasi:** Manfaat Hospitalisasi dan Manfaat Kematian/HUPK
- **Pelan B+ Penyakit Kritikal:** Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Kematian/HUPK
- **Pelan C+ Hospitalisasi & Penyakit Kritikal:** Manfaat Hospitalisasi, Manfaat Penyakit Kritikal dan Manfaat Kematian/HUPK

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Wakalah:** Kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.
- **Mudharabah:** Kami bertindak sebagai Usahawan (*Mudharib*) yang mengusahakan dana yang dikumpul dan Peserta/Orang yang dilindungi sebagai Pemilik Modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan bagi Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya yang akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada, manakala sebarang kerugian pelaburan akan ditanggung oleh Peserta. Bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan dimasukkan di dalam akaun bank Orang yang Dilindungi.
- **Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- **Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Peserta/Orang yang dilindungi akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada. Bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan dimasukkan di dalam akaun bank Orang yang Dilindungi.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. Qard tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

Nota: Dana Tabarru' merupakan kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Peserta yang digunakan untuk membantu semua Peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.

3. Apakah manfaat yang disediakan?

Manfaat berikut akan dibayar dari Dana Tabarru' apabila berlakunya kejadian yang berikut kepada Peserta, dengan 6 pilihan pelan yang boleh dipilih:

Manfaat	Deskripsi Manfaat (RM)		
	Pelan A/A ⁺	Pelan B/B ⁺	Pelan C/C ⁺
Manfaat Hospitalisasi Jumlah harian akan dibayar, sehingga maksimum 14 hari setahun atau RM 700 setahun, apabila Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di Hospital Panel ¹ selama tempoh perlindungan. Hospitalisasi mestilah sekurang-kurangnya satu malam, di mana tarikh keluar mestilah tidak sama dan selepas dari tarikh masuk.	50 manfaat harian	-	50 manfaat harian
Manfaat Penyakit Kritikal Ini akan dibayar sekiranya berlaku salah satu daripada Penyakit Kritikal ("Kejadian yang Dilindungi") ² kepada Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan. Diagnosis Kejadian yang Dilindungi mesti disahkan oleh Doktor dari Hospital Panel di mana rawatan dicari. Faedah ini hanya dibayar sekali sepanjang hayat Orang yang Dilindungi, di mana Manfaat Penyakit Kritikal akan terbatal apabila tuntutan bagi Kejadian yang Dilindungi dibayar dan Orang yang Dilindungi tidak boleh menyertai di dalam perlindungan Penyakit Kritikal yang baru di bawah pelan ini. Namun, Orang yang Dilindungi yang sama boleh menyertai di dalam Pelan A atau A ⁺ .	-	5,000	5,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan (Ini hanya terdapat bagi Pelan A/B/C) Ini akan dibayar sekiranya kematian Orang yang Dilindungi akibat Kemalangan semasa tempoh perlindungan.	5,000	5,000	5,000
Manfaat Kematian/HUPK (Ini hanya terdapat bagi Pelan A⁺/B⁺/C⁺) Ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau HUPK terhadap Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.	5,000	5,000	5,000

Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun dan boleh diperbaharui sehingga 56 tahun pada hari lahir berikutnya atau setelah tamat perlindungan Sijil, mana yang berlaku terlebih dahulu.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Induk untuk perincian manfaat yang ditawarkan dan untuk terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah Caruman yang saya perlu bayar?

Amaun Caruman mungkin berubah mengikut pelan yang dipilih dan mod Pembayaran Caruman:

Mod Pembayaran Caruman	Caruman dalam RM mengikut Pelan					
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan A ⁺	Pelan B ⁺	Pelan C ⁺
Bulanan	4.20	4.20	7.50	6.25	6.25	10.00
Suku Tahunan	12.50	12.50	22.50	18.75	18.75	30.00
Setengah Tahunan	25.00	25.00	45.00	37.50	37.50	60.00
Setahun	50.00	50.00	90.00	75.00	75.00	120.00

Nota: Caruman yang dibayar akan disalurkan terus ke dalam Dana Tabarru'. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Induk untuk maklumat lebih lanjut mengenai yuran dan caj di bawah pelan ini.

¹ Hospital Panel merujuk kepada semua hospital kerajaan yang berdaftar termasuk hospital Universiti dan Tentera. Tuntutan bagi kemasukan di dalam hospital swasta akan ditolak.

² Merujuk kepada Kejadian yang Dilindungi yang tersenarai di dalam Apendiks.

5. Apakah fi dan caj yang terpakai?

- (a) **Caj Pendahuluan** adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana *Tabarru'* (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
- (i) kos pengedaran langsung, dan
 - (ii) perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan Sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM 10 setiap Sijil Induk, yang ditanggung oleh Kami.

Caj Pendahuluan adalah berbeza mengikut jenis pelan dan ditolak daripada Caruman yang dibayar, peratusan Caj Pendahuluan dan Caj Pendahuluan sebenar yang ditolak dari Dana *Tabarru'* adalah seperti berikut:

	Caj Pendahuluan dalam % mengikut Pelan					
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan A ⁺	Pelan B ⁺	Pelan C ⁺
Peratusan Caruman	37.36%	44.92%	38.00%	34.99%	40.03%	38.97%
Mod Pembayaran Caruman	Caj Pendahuluan dalam RM mengikut Pelan					
Bulanan	1.57	1.89	2.85	2.19	2.50	3.90
Suku Tahunan	4.67	5.62	8.55	6.56	7.51	11.69
Setengah Tahunan	9.34	11.23	17.10	13.12	15.01	23.38
Setahun	18.68	22.46	34.20	26.24	30.02	46.76

- (b) *Tabarru'* adalah jumlah baki di dalam Dana *Tabarru'* setelah penolakan Caj Pendahuluan, sebagai tujuan menyediakan perlindungan dan menampung tuntutan ke atas kejadian/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* sebenar yang ditinggalkan di dalam Dana *Tabarru'* adalah seperti berikut:

Mod Pembayaran Caruman	Tabarru' dalam RM mengikut Pelan					
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan A ⁺	Pelan B ⁺	Pelan C ⁺
Bulanan	2.63	2.31	4.65	4.06	3.75	6.10
Suku Tahunan	7.83	6.88	13.95	12.19	11.24	18.31
Setengah Tahunan	15.66	13.77	27.90	24.38	22.49	36.62
Setahun	31.32	27.54	55.80	48.76	44.98	73.24

Tabarru' dan Caruman adalah tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Kami berhak untuk mengubah *Tabarru'* dan Caruman pada pembaharuan Sijil dengan memberi notis 30 hari secara bertulis terlebih dahulu, di mana perubahan tersebut (jika ada) adalah bertujuan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami, kos rawatan perubatan, teknologi perubatan yang lebih maju atau keadaan yang wajar yang lain. Perubahan-perubahan ini akan diguna pakai untuk semua Sijil tidak mengira pengalaman tuntutan individu.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Induk untuk maklumat lebih lanjut mengenai yuran dan caj di bawah pelan ini.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

- (a) **Kepentingan Pendedahan:** Anda mestilah mendedahkan semua fakta dan kenyataan material dengan betul; jika tidak, Sijil Takaful yang dikeluarkan mungkin tidak sah.
- (b) **Tempoh Rujukan Percuma:** Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dalam masa 15 hari selepas E-mel Pengesahan Pendaftaran dan salinan Sijil Takaful, melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan kembalikan Caruman yang telah dibayar.
- (c) **Tempoh Tenggang:** Tempoh Tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh Caruman modal atau Caruman pembaharuan yang perlu dibayar diberikan untuk membayar Caruman. Sekiranya Caruman tidak dibayar melebihi Tempoh Tenggang, Sijil Takaful akan luput.
- (d) **Penguatkuasaan Semula:** Penguatkuasaan Semula tidak digunapakai bagi pengluputan. Anda boleh menyertai di dalam Sijil Takaful yang baru, dan akan dikenakan Tempoh Menunggu yang baru.

- (e) **Tempoh Menunggu:**
- (i) Kelayakan untuk **Manfaat Kematian atau HUPK** hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi kematian atau HUPK bukan akibat kemalangan.
 - (ii) Kelayakan untuk **Manfaat Hospitalisasi** hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi hospitalisasi bukan akibat kemalangan.
 - (iii) Kelayakan untuk **Manfaat Penyakit Kritikal** hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung kepada jenis Kejadian yang Dilindungi) selepas tarikh berkuat kuasa.
- Tempoh Menunggu tidak akan dikenakan semasa pembaharuan bagi pelan yang sama atau semasa penyertaan pelan yang berbeza yang mempunyai manfaat yang sama. Bagi penyertaan dalam pelan baru yang mempunyai manfaat yang berbeza yang tidak terpakai di dalam pelan yang disertai sebelumnya, Tempoh Menunggu yang baru akan dikenakan.
- (f) **Tempoh Kesenambungan HUPK:** Sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya.
- (g) **Tempoh Kelangsungan Hidup:** Terdapat 7 Hari Tempoh Kelangsungan Hidup setelah Orang yang Dilindungi didiagnos menghidap salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi/senarai Penyakit Kritikal. Tuntutan bagi Manfaat Penyakit Kritikal hanya akan dibayar setelah Orang yang Dilindungi kekal hidup dalam Tempoh Kelangsungan Hidup.
- (h) **Prosedur Tuntutan:** Borang tuntutan boleh didapati daripada laman web MikroSayang: www.mikrosayang.com. Bukti tuntutan mestilah diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memaklumkan Kami serta-merta.
- (i) **Penamatan:** Sijil Takaful akan ditamatkan dan tiada faedah yang akan dibayar dari Dana *Tabarru'* apabila:
- (i) Kematian Orang Yang Dilindungi, sama ada Manfaat Kematian akibat Kemalangan dibayar atau tidak,
 - (ii) Hilang Upaya dan Kekal terhadap Orang yang Dilindungi,
 - (iii) Pembatalan atau penyerahan Sijil Takaful, atau
 - (iv) Penamatan Sijil Induk.
- (j) **Pelepasan Cukai:** Anda layak menerima pelepasan cukai perseorangan apabila anda menyertai produk ini. Bagi individu selain daripada kategori penjawat awam berpencen, pelepasan cukai untuk Takaful Keluarga adalah terhad kepada RM3,000 manakala individu dalam kategori penjawat awam berpencen layak mendapat pelepasan cukai terhad sebanyak RM7,000. Pelepasan cukai bagi Takaful Pendidikan atau Takaful Perubatan pula adalah sebanyak RM3,000. Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- (k) Melainkan diperbaharui, perlindungan akan tamat semasa tarikh luput dan Kami tidak bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan yang berlaku setelah tarikh luput.
- (l) Kami berhak untuk mengubah Caruman, struktur manfaat semasa pembaharuan Sijil dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu kepada Anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Induk untuk terma dan syarat di bawah pelan ini

7. Apakah had-had atau pengecualian utama di bawah Sijil ini?

- **Pengecualian bagi Manfaat Kematian**
Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian untuk apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.
- **Pengecualian bagi Manfaat HUPK**
Kami tidak akan membayar Manfaat HUPK untuk apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perkara berikut:
 - (a) kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras;
 - (b) kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa; atau
 - (c) HUPK yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa pelan atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian.

- Pengecualian bagi Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian akibat Kemalangan untuk apa jua akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perkara berikut:

- (a) bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
- (b) peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
- (c) disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau mengelak daripada ditangkap; atau
- (d) di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan.

- Pengecualian bagi Manfaat Hospitalisasi

Kami tidak akan membayar Manfaat hospitalisasi untuk sebarang akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perkara berikut:

- (a) sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
- (b) sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;
- (c) kehamilan dan komplikasinya, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan sebarang prosedur bukan pembedahan terhadap sistem pembiakan perempuan semasa kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran; atau
- (d) rawatan bagi kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau perbuatan jenayah, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda atau bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman.

- Pengecualian bagi Penyakit Kritikal

Kami tidak akan membayar Manfaat Penyakit Kritikal untuk sebarang akibat yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana perkara berikut:

- (a) Penyakit Kritikal sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Takaful, mana yang kemudian;
- (b) sebarang rawatan atau pembedahan untuk anomali kongenital;
- (c) disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
- (d) akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful dan/atau Sijil Induk untuk pengecualian dan terma dan syarat di bawah pelan ini.

8. Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Ya, Sijil Takaful boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak akan menerima pembayaran balik Caruman apabila pembatalan dilakukan selepas 15 hari tempoh rujukan percuma. Walaupun dibatalkan, perlindungan tetap akan diteruskan sehingga akhir tarikh Caruman perlu dibayar yang berikutnya.

9. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi?

Adalah penting untuk memaklumkan kepada Kami sebarang perubahan butiran peribadi bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan dalam tempoh masa yang bersesuaian.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

E-mel : mikrosayang@greateastertakaful.com

Laman web : www.mikrosayang.com

No. Careline : 1 300 13 8338

No. Telefon : (603) 4259 8338

No. Faks : (603) 4252 7528

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTIS PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA CARUMAN YANG ANDA BAYAR DI BAWAH SIJIL TAKAFUL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN SIJIL INDUK DAN HUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah bermula 1 Mei 2024.

SAMPLE

APENDIKS

(1)	Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	(26)	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
(2)	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	(27)	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
(3)	Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)	(28)	Hilang Keupayaan Bertutur
(4)	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	(29)	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
(5)	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	(30)	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
(6)	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	(31)	Penyakit Sistik Medular
(7)	Pembedahan Otak	(32)	Tuberkulosis Meningeal
(8)	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	(33)	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
(9)	Kardiomiopati – keterukan tertentu	(34)	Sklerosis Multipel
(10)	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	(35)	Distrofi Otot
(11)	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	(36)	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
(12)	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	(37)	Kelumpuhan Anggota
(13)	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	(38)	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
(14)	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (CJD) (Penyakit Lembu Gila)	(39)	Poliomielitis
(15)	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	(40)	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
(16)	Demam Hemoragik Ebola	(41)	Skleroderma Progresif
(17)	Elefantiasis (Penyakit Untut)	(42)	Penyakit Anjing Gila
(18)	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	(43)	Penyakit Arteri Koronari Serius
(19)	Kegagalan Hati Tahap Akhir	(44)	Sindrom Eisenmenger yang Teruk
(20)	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	(45)	Hemofilia yang Teruk
(21)	AIDS Dengan Gejala Penuh	(46)	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
(22)	Hepatitis Viral Fulminan	(47)	Pembedahan Aorta
(23)	Serangan Jantung – keterukan tertentu	(48)	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
(24)	Pembedahan Injap Jantung	(49)	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
(25)	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	(50)	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu